

PENGENALAN

- Harta pusaka ialah harta yang ditinggalkan oleh si mati yang perlu diuruskan dan dibahagikan kepada waris yang berhak.
- Disebabkan di Malaysia rekod masalah harta pusaka semakin meningkat dari tahun ke tahun, jadi penting masyarakat memahami tentang wasiat.

KONSEP WASIAT

- 1] Berasal dari perkataan Arab iaitu *wasa* (membuat janji).
- 2] Perkataan *wasiyyah* (wasiat) dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu yang diwariskan.
- 3] Bahasa: Merangkumi wasiat terhadap harta atau selain harta.
- 4] Syarak: Hanya merujuk kepada wasiat harta sahaja.
- 5] Dalam konteks Malaysia, wasiat ialah *Iqrar* seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat menyempurnakan sesuatu.

WASIAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA

- 1) Wasiat sebahagian daripada sistem perwarisan Islam di samping faraid, hibah, wakaf dan sebagainya.
- 2) Wasiat digunakan sebagai instrumen perancangan harta bagi seseorang yang memiliki keluarga tetapi tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana perbezaan agama, terhalang oleh waris terdekat atau kerana mereka memang tidak berhak mewarisinya.
- 3) Jika dalam kalangan keluarga yang bukan Islam juga boleh menerima wasiat dengan syarat tidak lebih 1/3 nilai harta bersih.
- 4) Wasiat juga digunakan sebagai instrumen perancangan harta dalam keadaan seseorang itu memiliki harta yang banyak dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal.

WASIAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA (cont)

- 5) Contoh terdekat seperti orang kampung memiliki pelbagai jenis harta tanah, mereka mewasiatkan harta-harta tertentu kepada waris-waris tertentu.
- 6) Syarat penting pembahagian harta mestilah adil iaitu setiap waris mendapat harta yang sama nilainya dengan kadar dan nilai yang seseorang itu berhak.
- 7) Anak yang derhaka atau tidak menjalankan tanggungjawab sebagai anak juga tetap dapat mewarisi harta pusaka kecuali waris yang telah membunuh pemilik harta dan seumpamanya.

PROSES PELAKSANAAN WASIAT

- 1] Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat
- 2] Pembacaan Wasiat
- 3] Siasatan
- 4] Penilaian Harta
- 5] Pengesahan Wasiat
- 6] Pelaksanaan Wasiat

PROSEDUR WASIAT DI MALAYSIA

- Orang Islam (Undang-undang berdasarkan hukum syarak)
- Orang Bukan Islam (Undang-undang sivil di bawah Akta Wasiat 1959) **Akta 346**
 - Bidang Kuasa Pihak Berkuasa Negeri (Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan).
 - 3 negeri telah mempunyai undang-undang khusus mengenai wasiat yang bersifat substantif iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.
 - Selangor merupakan negeri terbaik dalam penggunaan prosedur wasiat sahaja kerana telah mempraktikkan enakmen wasiat secara menyeluruh.

PROSES PEMBENTUKAN WASIAT

- 1] Permohonan
- 2] Dokumen sokongan
- 3] Pendaftaran
- 4] Penyediaan Dokumen Wasiat Bertulis
- 5] Penyimpanan
- 6] Pindaan atau Pembatalan Wasiat
- 7] Pengemaskinian Status Pewasiat

